

**NO SOALAN : 76**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SERI REEZAL MERICAN  
BIN NAINA MERICAN  
(KEPALA BATAS)**

**TARIKH : 10.6.2015  
(RABU)**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan kemampuan dan keperkasaan Angkatan Tentera Malaysia, dalam berhadapan dengan sebarang ancaman serantau mahupun antarabangsa, untuk masa-masa yang mendatang ini.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pertahanan sentiasa memandang serius tentang isu keselamatan negara dan pelbagai usaha telah dan sedang diambil dalam memastikan kedaulatan negara akan terus terpelihara daripada sebarang bentuk ancaman. Ini termasuk ancaman dari kawasan serantau mahu pun antarabangsa.

Buat masa ini keanggotaan dan kelengkapan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sedia ada mampu memelihara kedaulatan dan keselamatan negara. Keupayaan ATM untuk mempertahankan negara sentiasa diberikan perhatian oleh kerajaan. Pembangunan keupayaan ini dirancang melalui Pelan Pembangunan Dimensi Keempat Angkatan Tentera Malaysia (4D MAF). Pelan ini merupakan *roadmap* pembangunan keupayaan ATM di mana ianya mengintegrasikan eleman *man*,

***machine and method*** selaras dengan kehendak Dasar Pertahanan Negara.

**Selain itu, ATM turut mengambil pendekatan diplomasi ketenteraan dan *Confidence Building Measure (CBM)* dalam membina keakraban hubungan kerjasama pertahanan. Pendekatan ini jelas akan dapat mengelakkan terjadinya sebarang konflik di antara Negara.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DR. LEE BOON CHYE [ GOPENG ]**

**TARIKH : 10 JUN 2015 (RABU)**

**SOALAN : 77**

**Dr. Lee Boon Chye [ Gopeng ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan usaha Kerajaan untuk meningkatkan penggunaan Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah Ipoh.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk menarik lebih banyak syarikat penerbangan beroperasi di mana-mana lapangan terbang, Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) menawarkan '*Airline Incentive Programme*' kepada syarikat-syarikat penerbangan bagi meningkatkan trafik aliran penumpang.

Hasil daripada usaha tersebut, Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah (LTSAS), Ipoh telah menunjukkan peningkatan sebanyak 51.38% dalam pergerakan penumpang bagi suku tahun pertama 2015 berbanding tempoh yang sama tahun 2014. Seramai 38,203 orang penumpang telah direkodkan pada 2015 manakala seramai 18,574 orang penumpang direkodkan pada tahun 2014. Dalam pada itu, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan dan Kerajaan Negeri juga turut mempunyai peranan tersendiri dalam menarik lebih ramai pengunjung untuk menggunakan LTSAS.